




SAINS VETERINAR
Oleh Azri Adzhar (Foto Penulis)

Malaysia Bebas Rabies



18 DEWAN KOSMIK OKTOBER 2016

Health - DR
Pg : 18-

Pada 27 Julai 2015, berlaku kes gigitan anjing di Perlis. Setelah itu, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang diwartakan sebagai kawasan yang dijangkiti rabies (penyakit anjing gila). Kemunculan semula penyakit ini setelah tidak berlaku sejak 15 tahun yang lalu memberikan cabaran baharu kepada pihak berwajib.

Tindakan memusnahkan anjing yang berkeliaran oleh pihak berkuasa sebagai langkah untuk membendung wabak ini mencetuskan tentangan daripada kumpulan pencinta haiwan dan situasi panik dalam kalangan pemilik anjing kesayangan yang menjurus kepada peningkatan kes buang anjing, pembatalan program haiwan dan pembelian panik vaksin pencegah rabies, bukan sahaja di kawasan yang dijangkiti, tetapi juga di tempat lain.

Rabies ialah penyakit penyebab kematian yang disebabkan oleh virus yang biasanya dibawa oleh anjing dan dapat menjangkiti manusia, kucing, lembu dan kerbau.

Berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), lebih daripada 1.4 bilion penduduk di wilayah 11 negara, iaitu Bangladesh, Bhutan, Korea Utara, India, Indonesia, Maldives, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Thailand dan Timor Leste, berisiko dijangkiti rabies. Pada

setiap tahun, dianggarkan antara 23 ribu hingga 25 ribu orang di wilayah ini mati disebabkan oleh rabies.

Rabies anjing endemik di kebanyakan negeri di Asia Tenggara. Lebih kurang 608 juta manusia berisiko dijangkiti penyakit ini. Kucing, lembu, kerbau, kuda dan babi serta haiwan liar pula rentan terhadap rabies.

Namun begitu, anjing dianggap sebagai perumah penting untuk kelangsungan kuman rabies dan haiwan penular bagi manusia. Sebanyak 96% kes yang dilaporkan ialah jangkitan daripada gigitan anjing.

Tujuh daripada 10 ahli negara ASEAN masih endemik terhadap rabies, iaitu Indonesia, Kemboja, Lao PDR, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam. Myanmar ialah negara yang



Rajah 1 Keluk epidemiologi rabies anjing di Malaysia (tahun 1930 hingga tahun 1993).
(Laporan Simposium Kawalan Rabies di Negara ASEAN, WHO 1993)

Control No: 0000293601

status rabiesnya tinggi. Indonesia pula bertaraf sederhana, sementara Thailand menuju taraf rendah.

Malaysia, Singapura dan Brunei pula bebas daripada rabies. Negara anggota yang selebihnya belum bebas daripada penyakit ini. Namun begitu, status bebas bagi Malaysia berubah apabila wabak rabies berlaku pada September 2015 di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Di Malaysia, rabies ialah satu daripada 125 penyakit yang wajib dilaporkan (PWL) berdasarkan Akta Binatang 1953. Sifat penyakit yang berbahaya dan cepat menular ini menyebabkan pihak berkuasa veteriner Malaysia mengambil tindakan agresif untuk membendung dan membasminya. Langkah yang berkesan ialah pelupusan anjing yang disyaki menjadi pembawa penyakit ini.

Rabies diketahui wujud di Malaya sejak tahun 1884, tetapi data rabies mula direkodkan pada tahun 1924 di Kedah.

Punca jangkitan adalah daripada anjing yang dijangkiti dari Perlis. Pada masa itu, kebanyakan kes rabies dilaporkan berlaku di negeri utara Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand. Penyakit ini disyaki berasal dari negara jiran yang prevalensinya tinggi.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat pada tahun 1945, tentera bersekutu disabitkan dalam wabak yang berlaku di Province Wellesley (kini dikenali sebagai Seberang Perai) Pulau Pinang dan Perak. Tentera ini dikatakan membawa masuk anjing yang dijangkiti. Setelah itu, kes penyakit ini meningkat dan menular ke negeri lain di Semenanjung Malaysia. Antara tahun 1946 hingga 1951, purata kes Rabies ialah 112 pada setiap tahun.

Pada tahun 1952, wabak ini tersebar ke selatan hingga Kuala Lumpur yang ketika itu berada di bawah negeri Selangor. Kemudian, program komprehensif untuk membasmi

rabies, iaitu Program Kawalan Rabies Kebangsaan dibangunkan. Menerusi program ini, pemvaksinan semua anjing diwajibkan, sementara anjing yang terbiar dan berkeliaran dimusnahkan.

Setelah wabak ini dapat dibendung pada bulan April 1954, negara diisytiharkan bebas daripada penyakit ini. Lanjutan daripada itu, pada tahun 1955, batas penanaman dengan kelebenan antara 50 km hingga 80 km dari sempadan diwujudkan di sempadan Malaysia-Thailand. Pelaksanaannya dilakukan secara intensif dan berterusan.

Antara tahun 1958 hingga 1995, insiden sporadik dengan purata 1.7 kes setahun dilaporkan di Perlis, Kedah, Kelantan (1965 dan 1985), Selangor (1963, 1970 dan 1973) dan Seberang Perai (1975). Wabak yang signifikan dicatatkan pada tahun 1975 di Perlis dengan 11 kes dan tahun 1970 dengan 11 kes (tujuh kes di Kedah, tiga kes di Perlis dan satu kes di Selangor).

Pada tahun 1995, hasil daripada siasatan kes gigitan anjing pada manusia, dua kes rabies anjing dikesan di Terengganu. Kes ini dikatakan berasal daripada populasi anjing yang berkeliaran, iaitu anjing daripada kapal nelayan Vietnam yang ditahan di Pelabuhan Ikan Chenderiang.


Pada tahun 1996, sebanyak 10 kes rabies pada haiwan berlaku, iaitu lapan ekor anjing dan dua ekor lembu di Terengganu. Wabak ini dapat dikawal pada tahun itu juga. Namun begitu, pada akhir tahun 1996, kes rabies dikesan di Kedah dan Perlis, dengan satu kematian di setiap negeri ini. Penyakit ini terus menular pada tahun 1997 dengan empat kes di Kedah dan satu kes di Perlis.

Sebanyak 11 orang digigit oleh anjing yang dijangkiti oleh rabies pada tahun 1996 dan 16 lagi kes gigitan anjing berlaku pada tahun 1997. Kebanyakan kes gigitan anjing pada manusia berpunca daripada anjing yang berkeliaran. Walau bagaimanapun, rabies anjing juga disahkan dijangkiti daripada anjing kesayangan atau anjing yang digunakan untuk tujuan lain, seperti anjing pemburu.

Pada tahun 1998, 10 kes rabies direkodkan di Kedah. Semua kes ini



Anjing yang terbiar dan berkeliaran ialah sumber pembawa rabies.



Rajah 2 Tanda penyakit rabies anjing.

ialah rabies pada anjing dan kucing (tiga ekor). Pada Januari 1998 pula satu kes rabies dikesan pada manusia.

Antara tahun 2000 hingga 2014, tiada kes rabies dilaporkan. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan dilakukan pada setiap tahun di negeri yang ada dalam batasan penampakan. Hal ini bertujuan untuk mengesan rabies sebagai sistem amaran awal wabak. Dalam masa yang sama, sampel tisu otak beberapa kepala anjing yang diperoleh daripada surveilans dalam program kawalan anjing berkeliaran dan terbiar di negeri terlibat dikutip dan dihantar untuk diperiksa di Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh (VRI).

Di Sabah dan Sarawak, tiada kes rabies dilaporkan setakat ini, walaupun negeri ini bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia, yang dilaporkan

menjadi tempat penularan penyakit rabies. Rabies di Filipina juga menjadi ancaman penyakit rentas sempadan kepada Malaysia Timur.

Pemantauan berterusan untuk mengesan penyakit ini dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di kawasan batas penampakan. Semua kes gigitan anjing yang diuruskan oleh Jabatan Kesihatan dimaklumkan untuk pengetahuan DVS peringkat daerah. Anjing ini dijejaki, dikurung dan diperhatikan dalam tempoh dua minggu.

Anjing ini dilepaskan jika didapati tidak menunjukkan gejala penyakit rabies. Yang sebaliknya, jika anjing ini menunjukkan gejala, pemeriksaan bedah siasat (autopsi) dilakukan dan sampel tisu otak anjing dihantar ke makmal VRI untuk diagnosis lanjut.

Ujian standard yang digunakan ialah teknik imunopendarfluor dan histopatologi. Menerusi teknik ini sipsan tisu otak diperiksa di bawah mikroskop. Kini, ujian diagnosis yang berkesan, seperti reaksi rantai polimerase (PCR) digunakan sebagai tambahan.

Jika spesimen otak didapati positif, keputusan pemeriksaan dilaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar negeri yang terlibat. Pengarah ini pula menyampaikan maklumat ini kepada pihak berkuasa sejawat di Jabatan Kesihatan Daerah dan Negeri supaya tindakan yang bersesuaian dilakukan. Sebagai contohnya, memberikan imunisasi pascajangkitan kepada pesakit. Sementara itu, DVS meneruskan langkah kawalan dan penularan penyakit di kawasan yang terbiar.

Antara langkah yang dilakukan dalam kawalan penyakit ini termasuklah menyekat perpindahan anjing dalam lingkungan 10 km radius dari pusat jangkitan dengan mewujudkan pusat kawalan oleh Unit Penguatkuasaan DVS, bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk memusnahkan anjing terbiar dan berkeliaran, meningkatkan suntikan pelalian pencegahan rabies dan menggiatkan kempen pendidikan masyarakat tentang kesedaran terhadap rabies dengan cara mengadakan perjumpaan, mengedarkan surat berita dan memberikan penerangan menerusi saluran lain.

Sejak tahun 2007, Kempen Kesedaran Awam Rabies Sedunia diadakan pada setiap tahun pada setiap 28 September di Malaysia. Program ini

diadakan, terutamanya di negeri yang bersempadan dengan negara jiran dengan mengadakan aktiviti seminar, pertunjukan dan pameran. Kempen ini turut disertai oleh KKM, Majlis Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah. Pihak ini mengetengahkan peranan khusus yang dilakukan oleh mereka dalam program kawalan rabies.

Kejayaan Malaysia mengawal rabies dan diiktiraf sebagai negara bebas rabies sejak tahun 2000 ialah suatu kejayaan dan menjadi contoh bagi negara lain, terutamanya negara ASEAN yang kebanyakannya masih ditulari rabies.

Bagi mendapatkan taraf negara bebas rabies beberapa peraturan dan pemantauan dilakukan berdasarkan standard Pertubuhan Kesihatan Haiwan sedunia (OIE) yang beribu pejabat di Paris.

Syarat Bebas Penyakit Anjing Gila

1. Sebarang perubahan situasi epidemiologi penyakit perlu dilaporkan.
2. Ada sistem surveilans yang berterusan dalam tempoh dua tahun dengan keperluan program pengesanan awal untuk memastikan penyiasaan dan pelaporan kes haiwan disyaki rabies.
3. Ada peraturan pencegahan rabies. Peraturan ini diamalkan, termasuklah peraturan import haiwan.
4. Tiada kes rabies dalam sela masa dua tahun belakangan.
5. Tiada kes rabies import pada spesies karnivor, seperti anjing, dan chiroptera, seperti kelawar, di luar premis kuarantin dalam sela masa enam bulan belakangan. Kes rabies yang dikesan dalam stesen kuarantin tidak dikira sebagai insiden rabies tempatan.



Rajah 2 Batas penampunan rabies Semenanjung Malaysia antara 50 km hingga 80 km sepanjang sempadan Malaysia-Thailand (tahun 1955).

Malaysia berjaya dalam hal ini apabila membangunkan Program Kawalan Rabies Kebangsaan dan membentuk kawasan batas penampunan yang melibatkan Perlis, Kedah, utara Kelantan dan utara Perak. Hal ini unik bagi Malaysia. Malah, berlaku kemerosotan yang sangat ketara insiden rabies selepas program ini diimplementasikan.

Hal ini juga hasil kerjasama bersepadu, "One Health" dan tindakan strategik secara komprehensif untuk membasmi penyakit ini dengan memusnahkan anjing yang terbiar dan berkeliaran, pemvaksinasi besar-besaran, melesenkan anjing peliharaan dan menganjurkan kempen kesedaran awam. Kempen ini penting kerana penyakit rabies bersifat zoonotik. Kepentingan pemantauan, pengawalan dan pembasmian perlu diterangkan.

Pada peringkat awal, sekitar era 1960-an, Jabatan Penerangan ialah agensi yang membantu kempen kesedaran kepada masyarakat. Aktiviti

kenan menerusi wayang kandar di kawasan berisiko, khususnya di pedalaman ialah cara yang berkesan kerana kadar celik huruf rakyat pada masa itu belum tinggi.

Berdasarkan data terdahulu, iaitu antara tahun 1986 hingga 1992, sebanyak 80 283 anjing dimusnahkan dan sebanyak 29 342 anjing peliharaan diberikan suntikan untuk mencegah rabies dalam kawasan batas penampian ini.

Ada tiga cara untuk mengelakkan kes rabies manusia. Yang pertamanya, imunisasi besar-besaran dilakukan terhadap anjing di kawasan yang dijangkiti. Hal ini ialah satu-satunya cara yang berkesan untuk mengganggu kitar jangkitan penyakit antara haiwan dengan manusia. Yang keduanya, imunisasi pencegahan rabies dilakukan terhadap manusia. Yang ketiganya, menggunakan serum antirabies apabila ada gigitan anjing yang disyaki dijangkiti.

Imunisasi anjing secara besar-besaran ialah kaedah pilihan. Kaedah ini satu-satunya cara sebenar untuk mengganggu kitar jangkitan penyakit ini antara haiwan dengan manusia. Dianggarkan bahawa pemberian suntikan vaksin kepada 70 % anjing yang jangkitannya masih wujud, rabies dapat dihapuskan pada anjing dan bilangan kes pada manusia

menurun dengan cepatnya kepada hampir sifar.

Cabaran besar dalam pelaksanaan hal ini bergantung pada kaedah pelaksanaan dan sumber kewangan. Menurut WHO gianggarkan bahawa kos kempen vaksinasi anjing lebih kurang 10 % daripada sumber kewangan yang kini digunakan untuk memberikan rawatan kecemasan kepada mangsa gigitan. Bagi sesetengah negara hal ini suatu bebanan yang besar.

Strategi pendekatan Malaysia untuk mengawal dan memusnahkan rabies adalah dengan memusnahkan anjing terbiar dan memvaksin anjing peliharaan. Pendekatan ini dipilih kerana penyakit ini masih dapat dikawal dengan mengambil kira Malaysia tidak endemik terhadap rabies.

Pewartaan kawasan berisiko, seperti batas penampian dan usaha kawalan untuk pembasmian yang komprehensif tertumpu di kawasan ini. Oleh sebab itu, sebarang kes kejadian rabies di luar sempadan batas penampian menjadi

petunjuk bagi penularan penyakit ini, seterusnya membolehkan pihak berkuasa veterinar mengambil tindakan balas pantas untuk membendung dan membasminya.

Rabies terus menjadi penyakit yang penting kepada Malaysia walaupun langkah kawalan yang dilakukan setakat ini berjaya mengurangkan prevalensnya kepada sifar dan membendung risiko

penyakit ini di kawasan utara negeri yang bersempadan dengan Thailand dan di negeri Malaysia Timur yang bersempadan dengan Kalimantan.

Kaedah yang digunakan untuk memusnahkan rabies pada waktu ini bertujuan mengelakkan jangkitan daripada puncanya, iaitu rabies anjing. Hal ini dikatakan demikian kerana anjing ialah satu-satunya spesies yang signifikan di Malaysia yang terlibat dalam penularan penyakit ini. Di negara temperat, rakun dan kelawar ialah dua lagi spesies haiwan yang terlibat dalam penularan rabies. □

Anjing ialah satu-satunya spesies yang signifikan di Malaysia yang terlibat dalam penularan penyakit ini. Di negara temperat, rakun dan kelawar ialah dua lagi spesies haiwan yang terlibat dalam penularan rabies.

Jadual 1 Rabies manusia dan rabies haiwan serta status kawalan penyakit bagi wilayah ASEAN. (Sumber: Kementerian Keshatan, WHO SERO, OIE WAHID)

Negeri	Bil. Kes Rabies Manusia	Kadar Rabies Per Sejuta Rakyat Setahun	Kewujudan Rabies Anjing	Surveilans dan Pengawasan	Program Pemvaksin Rabies Anjing
Brunei	0	0	T	A	T
Filipina	208*	2	A	A	A
Indonesia	116	0.48	A	A	A
Kemboja	800	56	A	T	T
Laos	1	0.16	A	A	A
Malaysia	0	0	T	A	A
Myanmar	1000*	21	A	A	A
Singapura	0	0	T	A	A
Thailand	8	0.12	A	A	A
Vietnam	89	1	A	A	A

A = Ada, T = Tiada, * = Anggaran